



Faiz (tengah) menyampaikan bantuan kepada nelayan di Bachok, semalam.

(Foto: Nor Amalina Alias/BH)

## Sasar 10 peratus nelayan ceburi perniagaan hiliran

BH 26/06/23 m/s 23

**Bachok:** Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) menyasarkan sekurang-kurangnya 10 peratus nelayan menyertai perniagaan hiliran.

Pengerusinya, Muhammad Faiz Fadzil, berkata pembabitan itu bagi memastikan nelayan keluar daripada kepompong kemiskinan dengan menjana lebih pendapatan.

Katanya, perniagaan hiliran yang boleh diusahakan seperti pembuatan keropok, makanan berdasarkan ikan dan ekopelancongan perikanan.

"Selain jual segar hasil tangkapan, nelayan perlu kreatif menjana pendapatan. Kita tak mahu mereka terikat dengan kaedah konvensional iaitu pergi ke laut, tangkap ikan dan jual ikan.

"Jika hasil tangkapan diubah kepada keropok atau ikan kering, saya jangka dalam tempoh setahun, jumlah nelayan yang menjadi peniaga akan meningkat," katanya di sini, semalam.

Hadir sama Pengarah LKIM Kelantan, Khuzaimah Husain, Pengerusi Persatuan Nelayan Kelantan, Mohd Saripudin Ishak dan Pengerusi Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Kota Bharu, Asri Mat Yatim.

Muhammad Faiz berkata, se-

takat ini masih terlalu sedikit nelayan yang menjadi peniaga daripada 84,000 nelayan berdaftar dengan LKIM.

Katanya, LKIM memberi galakan nelayan untuk bermula dengan memberi bantuan dana, kursus dan keperluan lain kepada nelayan, isteri dan anak-anak mereka menerusi Kumpulan Wanita Nelayan, Kumpulan Belia Nelayan dan PNK.

"Kita menggalakkan mereka dalam sekurang-kurangnya satu aktiviti ekonomi. Contoh PNK Bachok ada perusahaan ikan keli. Lebih 100 PNK ada pasar basah. LKIM juga ada Bahagian Industri Asas Tani sebagai pemudah cara mereka nak bermula," katanya.

Dalam perkembangan lain, Muhammad Faiz turut memaklumkan bekalan ikan dalam negara mencukupi dengan kuota 90 tan ikan sejuk beku, ketika ini.

"Kita mensediakan ikan yang menjadi permintaan utama rakyat seperti kembung, selayang dan cencaru menggunakan teknologi pembekuan," katanya.

Beliau berkata, LKIM juga sedang membuat perbincangan dengan penggiat industri bagi membekalkan ikan daripada Sabah ke Semenanjung.